

29 AUG 2002

Ling-Ah Lek/I

LIM AH LEK TIDAK DILANTIK SEMULA SEBAGAI PENERUS J/KUASA DISIPLIN

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek tidak dilantik semula sebagai penerus jawatankuasa lembaga disiplin dalam senarai jawatankuasa baru yang diumumkan oleh presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Dr Ling berkata badan pembuat keputusan itu, Jawatankuasa Pusat (CC), sebaliknya melantik lima anggota veteran yang diketuai Datuk Kam Woon Wah sebagai anggota lembaga yang baru.

"Kita mahukan sekumpulan orang yang tidak terbabat dalam konflik pada masa lepas. Kita mahukan orang yang tidak tercemar (oleh konflik)," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat CC yang berlangsung selama dua jam di ibu pejabat parti di sini hari ini.

Anggota lain terdiri daripada Datuk Dr Wee Khoo Hock, Datuk Wong Seng Chow, Datuk Chan Kit Chee dan Datuk Wang Choon Wing.

CC yang diberi kuasa melantik anggota lembaga disiplin parti mengikut perlembagaan, melantik Lim sebagai penerus Lembaga Disiplin selama dua penggal.

Presiden pula, mengikut perlembagaan parti, hanya mempunyai kuasa untuk melantik penerus negeri, anggota CC (enam jawatan dilantik) dan penerus biro.

Lima anggota veteran itu menggantikan anggota sedia ada yang telah tamat tempoh perkhidmatan selepas perhimpunan agung tahunan parti pada 27 Julai. Anggota lama lembaga itu terdiri daripada Lim, dua naib presiden Datuk Dr Fong Chan Onn dan Datuk Chua Jui Meng, ketua wanita Datuk Ng Yen Yen dan ketua pemuda Datuk Ong Tee Keat.

Ditanya pemberita mengapa perlu ada perubahan, Dr Ling berkata keputusan itu berasaskan pengundian di kalangan anggota CC yang menghadiri mesyuarat hari ini yang majoritinya mahukan komposisi baru yang tiada kaitan dengan insiden lepas.

"Kami lakukannya melalui pengundian dengan kebanyakan anggota mahu kumpulan baru dalam jawatankuasa disiplin," katanya.

Ditanya sama ada pelantikan anggota lembaga disiplin baru itu melanggar pelan damai yang diusahakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menamatkan pergolakan kepimpinan selama 14 bulan antara Team A (yang diketuai Dr Ling) dan Team B (diketuai Lim), Dr Ling berkata "Pelan damai untuk kedamaian dan kestabilan dan semua langkah yang diambil ini adalah menurut pelan itu".

Sebelum meninggalkan tempat mesyuarat, Lim berkata keputusan CC menggantikan anggota sedia ada bertentangan dengan pelan damai yang dilaksanakan oleh kedua-dua pihak untuk mendamai dan mestabilkan parti.

"Beliau (Dr Ling) tidak mematuhi pelan damai yang menetapkan "status-quo" dikekalkan. Mengapa dia lakukannya, kamu kena tanya presiden," katanya kepada pemberita sebelum Dr Ling mengadakan sidang media untuk mengumumkan keputusan CC itu.

Dr Ling berkata pelan damai itu bukan sekadar pelan damai malah wajar membawa kestabilan dan kemajuan dalam parti.

"Perdamaian bukan sekadar "status-quo". Jika "status-quo" bertujuan untuk kemajuan dan kestabilan, ia sangat baik tetapi jika ia menghalang dan hanya menetapkan parti supaya statik, ia tidak baik," katanya.

-- BERNAMA

AT AHH LAT